0851

U 0603 OED

MAHATHIR - PENYAIR

(EMBARGO) UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 10.30 MALAM INI)

KUALA LUMPUR, 25 NOV (BERNAMA) -- PARA PENYAIR DISERU SUPAYA MENERUSKAN PERJUANGAN MEMBINA MASYARAKAT YANG SIHAT DAN AMAN, MELALUI PENULISAN MASING-MASING.

PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA, SEBAGAIMANA KERAJAAN BERJUANG MELALUI SALURAN RASMI DAN FORUM BANGSA-BANGSA BERSATU, PARA PENYAIR JUGA MEMPUNYAI CITA-CITA KEMANUSIAAN YANG UNGGUL YANG PERLU DITERUSKAN MELALUI PENULISAN MEREKA.

+OLEH YANG DEMIKIAN SAMA ADA PENYAIR ITU DATANG DARI MOSCOW ATAU IBADAN, TOKYO ATAU KUALA LUMPUR, SYDNEY ATAU BELGRADE, MARILAH BERSAMA MEMPERJUANGKAN CITA-CITA KEMANUSIAAN YANG MURNI DEMI PERADABAN DUNIA DAN KESELAMATAN PENDUDUKNYA+, KATANYA SEMASA MERASMIKAN +PENGUCAPAN PUISI KUALA LUMPUR+ DI SINI MALAM INI.

MAJLIS ANJURAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA ITU DISERTAI OLEH PARA PENYAIR DARI AUSTRALIA, JEPUN, MALTA, INDONESIA, BRUNEI DARUSSALAM, SINGAPURA, USSR, FILIPINA, PLO, NIGERIA, SEPANYOL, PAKISTAN, INDIA, IRAN, KOREA, MESIR, YUGOSLAVIA, THAILAND, PERANCIS DAN MALAYSIA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, KERAJAAN SERING MENYUARAKAN BETAPA PENTINGNYA PERLUCUTAN SEMUA SENJATA KERANA IA MEMPUNYAI IMPIAN SERUPA DENGAN PARA PENYAIR IAITU UNTUK MELIHAT SEBUAH DUNIA YANG AMAN TENTERAM, MASYARAKATNYA YANG MEMPUNYAI RUMAH, MAKANAN, PAKAIAN DAN BERPELAJARAN TINGGI. -- LAGI.

1938MST 25 11 88

0852

U 0607 OED

MAHATHIR - PENYAIR 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

KATANYA, MALAYSIA AKAN MENGGUNAKAN SEBAIK-BAIKNYA KESEMPATAN MENDUDUKI KERUSI MAJLIS KESELAMATAN BANGSA-BANGSA BERSATU UNTUK MENYEDARKAN PEMIMPIN NEGARA-NEGARA BESAR, PUAK-PUAK YANG BERTELINGKAH DAN MASYARAKAT DUNIA AMNYA TENTANG PERLUNYA KEAMANAN DUNIA DIPELIHARA.

DALAM HUBUNGAN ITU, PERDANA MENTERI MENGUTIP SERANGKAP PUISI OLEH PENYAIR TERKENAL NEGARA, USMAN AWANG:

+ANAKKU DAN ANAK-ANAK KITA SEMUA
JANGAN DILUKAI HATI MEREKA DENGAN SENJATA
BIAR DI WAJAH DAN HATINYA CINTA BERBUNGA
DUNIA YANG DAMAI, HIDUP YANG SEJAHTERA.+

KATANYA, SEPERTI PENGARANG-PENGARANG MELAYU MELALUI KEMAHIRAN SENI MEREKA YANG SERING KOMITED TERHADAP MASYARAKATNYA, PARA PENYAIR DUNIA JUGA TURUT MENGGERAKKAN PERJUANGAN YANG SAMA SEJAK BERKURUN LALU.

BELIAU JUGA BERKATA, SENSITIVITI KERAJAAN TERHADAP POKOK PERJUANGAN ITU TELAH MENDORONGNYA MENGAMBIL LANGKAH-LANGKAH POSITIF DEMI KESIHATAN, KEADILAN DAN KEAMANAN MASYARAKAT MALAYSIA DAN ANTARABANGSA.

KATANYA KERAJAAN SERING BERSUARA LANTANG TERHADAP PENGGUNAAN DADAH. WALAUPUN TERDAPAT PENENTANGAN PADA PERINGKAT ANTARABANGSA MENGENAINYA, ITU TIDAK MELEMAHKAN KERAJAAN KERANA IA YAKIN SEBUAH MASYARAKAT YANG INGIN MENERUSKAN PERJUANGAN, PERLU MEMPUNYAI ANGGOTA YANG SIHAT DAN BERTANGGUNGJAWAB.

+SEMOGA ABAD INI DAN YANG AKAN DATANG, MENYAKSIKAN HASIL MANIS DARIPADA PERCANTUMAN PERJUANGAN PARA PENYAIR DAN KERAJAAN MASING-MASING,+ KATANYA. -- BERNAMA.

1941MST 25 11 88